

24/10/1998

Pahang serius tangani isu ekonomi

Shariffudin Mohamed

KEGAWATAN ekonomi negara mengubah fokus pembangunan Pahang selari dengan perubahan dasar Kerajaan Pusat bagi menyekat pengaliran keluar wang negara.

Melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) yang berasaskan Majlis Tindakan Ekonomi Negara peringkat pusat, kerajaan negeri pimpinan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, membuat pelbagai perancangan memulihkan ekonomi.

Mohd Khalil mempengerusikan mesyuarat pertama MTEN pada 11 Februari lalu bagi membincangkan strategi memulihkan ekonomi seperti dibincangkan pada peringkat Majlis Tindakan Ekonomi Negara pada 22 Januari lalu, yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Keanggotaan Exco MTEN pula membabitkan Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Chani Sulaiman; Pengarah Upen, Wan Abdullah Alias; dan Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Datuk Hamdan Jaafar.

Exco MTEN bermesyuarat dua dan tiga kali seminggu, sekali gus menunjukkan kerajaan negeri serius menangani masalah ekonomi sekarang.

Menurut Mohd Khalil, rakyat terutama kakitangan kerajaan tidak perlu was-was dengan keputusan kerajaan bagi mengatasi kegawatan ekonomi.

Sebaliknya, beliau berkata, mereka harus yakin dengan keputusan itu supaya fokus rancangan memulihkan ekonomi tidak terjejas. Katanya, mereka tidak seharusnya mengalihkan perhatian kepada hal yang boleh mengganggu gugat fokus terbabit.

"Tidak harus ada sikap was-was terhadap semua keputusan kerana ia dilaksanakan melalui satu proses saringan yang ketat, termasuk dibincangkan dalam MTEN sama ada peringkat Exco atau induk.

"Keputusan yang diambil pula bersifat praktikal, bukannya teoritikal semata-mata," katanya.

Setakat ini, beliau berkata, Exco MTEN membuat kira-kira 80 keputusan untuk dilaksanakan, antaranya berusaha menjadikan Pahang sebagai pengeluar daging lembu terbesar negara.

Kerajaan negeri mahu memasarkan daging ternakan itu dengan jenama 'Makmur Beef'.

Selaras usaha menjadikan Pahang pengeluar lembu terbesar negara, kerajaan negeri bersetuju ekuitinya menerusi Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian (LKPP) sebanyak 30 peratus dalam Pahang Bif Sdn Bhd yang sudah diswastakan, ditambah sehingga 100 peratus.

Selain LKPP, kata Menteri Besar, Jabatan Perkhidmatan Haiwan negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) diminta bertindak merealisasikan matlamat itu.

Katanya, 400,000 daripada 577,000 hektar rancangan Felda di seluruh negeri sesuai untuk projek integrasi ternakan lembu dalam ladang sawit.

"Keluasan ladang itu mampu menampung 100,000 lembu dengan anggaran RM72 juta setahun," katanya.

Setakat ini, hasil keluaran lembu di Pahang hanya mampu menampung 20 peratus kegunaan tempatan, tetapi pengeluaran dijangka ditingkatkan, sekali gus menjadikan Pahang pengeluar terbesar, berikutan keluasan tanah serta ladang.

Bagi mengurangkan pergantungan import makanan binatang ternakan, Mohd Khalil berkata, keputusan dicapai supaya LKPP menjalankan usaha sama dengan sebuah syarikat swasta bagi memajukan kawasan seluas 800 hektar di

Rompin dengan tanaman jagung bijirin.

Katanya, kerajaan juga bersetuju keputusan Exco MTEN supaya skim ladang kecil dengan keluasan sekurang-kurangnya 40 hektar di tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan diwujudkan.

Dalam usaha memajukannya, tanah ladang itu akan dikekalkan sebagai rizab Melayu dengan pajakan selama 90 tahun. Setakat ini, Rompin dipilih menjadi perintis skim ladang kecil, membabitkan kawasan seluas 2,000 hektar atau 50 lot atau 40 hektar satu lot, katanya.

Oleh itu, kata Mohd Khalil, kerajaan negeri mahu semua pengusaha ladang sawit di negeri ini menjalankan kegiatan memelihara lembu di kawasan ladang masing-masing, selaras dengan keputusan MTEN bagi meningkatkan pengeluaran makanan di negara ini.

"Kita akan memanggil semua pengusaha, termasuk agensi kerajaan yang terbabit dengan kegiatan itu, seperti Felcra, Felcra, Risda serta pengusaha ladang sawit swasta untuk berbincang mengenai cadangan itu.

"Pandangan serta maklum balas daripada semua pengusaha terbabit sangat diperlukan bagi memastikan cadangan itu berjalan lancar. Jika ada pengusaha ladang sawit tidak mahu melaksana kegiatan itu, mereka perlu memberi alasan kenapa projek itu tidak boleh dilakukan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Pahang masih mendahului negeri lain dalam kegiatan itu dan pada masa ini, kira-kira 200,000 ternakan berkenaan di pelihara di beberapa kawasan ladang sawit di Wilayah Jengka dan Pahang Tenggara.

"Oleh kerana kegiatan itu tidak menyeluruh, kita mahu semua pengusaha ladang sawit mengambil daya usaha melaksanakan projek berkenaan, melalui koperasi atau pertubuhan tertentu," katanya.

Mohd Khalil berkata, pengeluaran bahan makanan dalam negeri perlu ditingkatkan untuk mengurangkan pengimportan bahan berkenaan yang mencapai nilai RM1.11 bilion pada tahun lalu.

Sebenarnya, usaha mengeluarkan bahan makanan sepatutnya tidak menjadi masalah berikutan Pahang mempunyai keluasan tanah yang mencukupi untuk projek itu.

Kerajaan negeri menganggarkan hanya 902,000 hektar tanah dimajukan dengan kegiatan pertanian berbanding keluasan 3.6 juta hektar tanah yang ada di Pahang.

Tahun lalu pula, Pahang mengeluarkan 99,743 metrik tan sayur dan 49,518 metrik tan buah buahan, manakala permintaan isi rumah dalam negeri untuk kedua-dua bahan makanan itu ialah masing-masing 26,122 metrik tan serta 30,595 metrik tan dan bakinya dieksport atau dibekalkan ke luar Pahang.

Bagai mengatasi kekurangan rumah, katanya, seluruh pejabat daerah diminta mengemukakan laporan jumlah keluasan yang boleh dibangunkan bagi projek perumahan awam kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan masing-masing kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri secepat mungkin.

Beliau berkata, arahan itu di buat selepas mesyuarat MTEN baru-baru ini yang memutuskan bahawa projek rumah kos rendah perlu dipertingkatkan segera.

Langkah itu akan dikendalikan oleh Unit Perumahan Kerajaan Negeri.

Sehingga kini, katanya, 38,871 unit rumah kos rendah dibina kerajaan dan swasta, 26,569 daripadanya dimajukan swasta manakala selebihnya, kerajaan.

Mohd Khalil turut berbangga pelabur asing masih yakin dengan negara ini walaupun rantau Asia dilanda kegawatan ekonomi.

Contohnya, sebuah kilang kertas dan palpa akan dibina di Muadzam Shah secara usaha sama dengan syarikat Austria dan Finland.

Kilang itu menggunakan pelepah dan tandan kelapa sawit sebagai bahan mentah iaitu di percayai kilang pertama seumpamanya di Malaysia dan mungkin di dunia.

Seperkara lagi ialah pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) akan

menjadi pemangkin pembangunan Pahang apabila Kerajaan Pusat bersetuju melaksanakannya.

Keseluruhan kos projek diunjurkan berjumlah kira-kira RM4.2 bilion dan ia dijangka mengambil masa enam setengah tahun untuk disiapkan itu membabitkan empat fasa, bermula 1999 hingga pertengahan tahun 2005.

LPT itu akan mempunyai dua hala empat lorong dan 16 persimpangan bertingkat serta 16 plaza tol. Tempat rehat pula sebanyak 10 buah dan tempat berhenti untuk lori dan kenderaan berat pula sebanyak 22 buah.

Mengenai syarikat bermasalah Mohd Khalil berkata, MTEN mencari jalan membantu syarikat, terutama dalam sektor pelancongan dan pembinaan yang gagal menjalankan projek mereka di negeri ini, berikutan kegawatan ekonomi.

Ini bagi membolehkan kerajaan negeri mendapatkan bantuan melalui beberapa dana yang disediakan.

Kerajaan negeri mahu membantu syarikat yang mengalami kekurangan modal supaya projek mereka dapat diteruskan.

(END)